

Headline	Dagangan S'wak cecah RM86.1 bilion		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	06 Sep 2019	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	27	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	154 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,435
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,305



## Dagangan S'wak cecah RM86.1 bilion

**KUCHING:** Singapura telah membayangkan kesiadannya untuk bekerjasama dengan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Sarawak dalam memasarkan perabot mereka di pasaran global, kata Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan.

Awang Tengah, yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Keusahawanan negeri, berkata perkara itu dimaklumkan semasa pertemuan beliau dengan Menteri Kanan Negara bagi Perdagangan dan Industri Singapura serta Presiden Majlis

Industri Perabot Singapura semalam.

"Kita patut memanfaatkan kedudukan Singapura sebagai pintu masuk ke pasaran lebih besar," katanya dalam ucapan pada program Hari Eksport Sarawak 2019 di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg.

Awang Tengah, yang juga Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli Kedua, menggesa semua PKS di negeri itu untuk merebut peluang itu, dan menurutnya selain kementeriannya, terdapat banyak agensi kerajaan yang lain yang dapat

memberikan bantuan.

"Jangan ragu-ragu untuk menghubungi agensi seperti MARA, FAMA, SEDC, SIRIM dan lainnya untuk menghasilkan produk berkualiti lebih baik, manakala MITI, MATRADE, MIDA dan Exim Bank dapat membantu memudahkan aktiviti eksport anda," katanya.

Beliau berkata pada akhir Julai lepas, jumlah dagangan negeri adalah sebanyak RM86.1 bilion dengan eksport sebanyak RM60.3 bilion dan import sebanyak RM25.8 bilion, mencatatkan imbangan dagangan sebanyak RM34.5 bilion.

- Bernama